



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

BANTUAN SARA HIDUP & BANTUAN OKU TERUS DISALURKAN



The graphic features the Malaysian coat of arms and the BSH logo (a heart with three figures) at the top. The main text is in large, bold, black letters. At the bottom, there are contact details for BSH MOF and BSH LHDNM, along with the BSH website URL.

**BANTUAN SARA HIDUP & BANTUAN OKU
TERUS DISALURKAN**

Hotline BSH MOF :
03 - 8882 4565
03 - 8882 4566

Hotline BSH LHDNM :
1 - 800 - 88 - 2747

Laman Web :
<https://bsh.hasil.gov.my>

Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) menyesali laporan media dan dakwaan pihak yang tidak bertanggungjawab bahawa golongan Orang Kurang Upaya (OKU) bujang, ibubapa tunggal dan warga emas tidak menerima bantuan BSH. Ini tidak benar sama sekali.

Kerajaan Persekutuan kini menumpukan proses pendaftaran dan kemaskini maklumat untuk program Bantuan Sara Hidup (BSH) yang memberikan bantuan secara bersasar dan mengutamakan keluarga. BSH2019 juga memberi kadar tambahan mengikut bilangan anak bawah tanggungan. Kadar tambahan BSH2019 sebanyak RM120 diberikan untuk setiap anak berumur 18 tahun ke bawah terhad kepada 4 orang anak dan bagi anak OKU yang tidak dihadkan umur. Dalam konteks ini, Kementerian Kewangan ingin menjelaskan bahawa ibubapa tunggal dengan tanggungan turut layak dan diberikan BSH pada tahun 2019. Bagi warga emas yang melebihi 60 tahun, mereka juga layak menerima BSH sama ada berstatus berkahwin atau bujang.

Tambahan, berikutan pengumuman Kementerian Kewangan pada 20 Februari 2019, 3 juta orang dalam kategori bujang akan menerima bayaran BSH sebanyak RM100 pada hujung bulan Mac 2019. Kerajaan akan mengkaji kadar bantuan seterusnya bagi golongan tersebut dan keputusan akan dimuktamadkan oleh Kabinet.

Merujuk kepada golongan OKU, Kerajaan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat membantu lebih daripada 140,000 OKU dengan bantuan Elaun Pekerja Cacat atau Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja. Oleh itu, individu yang dilaporkan telahpun menerima Elaun Pekerja Cacat sebanyak RM400 sebulan dan layak menerima bayaran BSH

untuk Kategori Bujang sebanyak RM100.

Kerajaan akan terus menyalurkan bantuan kepada golongan yang berkeperluan untuk meringankan beban kos sara hidup mereka berdasarkan kemampuan yang ada, sebagai sebahagian daripada tanggungjawab kepada rakyat.

Sayangi Malaysiaku!

Kementerian Kewangan Malaysia

Putrajaya

22 Februari 2019

Like Be the first of your friends to like this.
